

03/10/1998

Bekas Setiausaha Politik Anwar di Indonesia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bekas Setiausaha Politik Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohamad Ezam Mohd Noor, yang pernah mengeluarkan dua kenyataan membidas Perdana Menteri dan Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor berikutan dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri itu dipukul ketika dalam tahanan, kini di Indonesia.

Ketika dihubungi hari ini, Ezam berkata, beliau berada di Jakarta untuk menemui beberapa pemimpin politik Indonesia dan rakan.

Mengenai tempat sebenar dia berada sekarang, beliau berkata: "Saya tidak tinggal tetap di sesuatu tempat."

Ezam turut menafikan beliau meninggalkan negara ini kerana takut ditangkap.

Bagaimanapun, sumber memberitahu, Ezam meninggalkan Malaysia sebaik saja Anwar ditahan.

Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di Jakarta hari ini, Ezam mendakwa Anwar yang dipukul ketika dalam tahanan membuktikan regim Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berupaya melaksanakan penindasan dan kezaliman, terutama terhadap mereka yang lemah.

Anwar ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA) kerana mengancam keselamatan negara ketika beliau dan penyokongnya menganjurkan perhimpunan haram di Dataran Merdeka 20 September lalu.

Anwar sudah dihadapkan ke mahkamah dengan lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan membabitkan perlakuan seks di luar tabii.

Ezam, yang juga Timbalan Ketua Bahagian Umno Petaling Jaya Selatan, turut mendakwa Dr Mahathir sudah kehilangan sokongan ahli Umno. Kenyataan akhbar beliau yang lain dikeluarkan 30 September lalu.

Setiausaha Bahagian Umno Petaling Jaya Selatan, Zon Abdul Hamid ketika dihubungi, berkata ketua bahagian itu, Datuk Kapten (B) Zahar Hashim kini di Russia kerana urusan perniagaan.

Ezam, 30, lulusan ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dilantik sebagai setiausaha politik Anwar tahun lalu.

(END)